

CNS1408

U GB 10-04 00177 BA340

AAB

Mahathir - Jerai (Ulangan Membetulkan Nama Syarikat)  
KERAJAAN PUSAT KAJI PROJEK JERAI INTERNATIONAL PARK

KUALA TERENGGANU, 10 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kerajaan Pusat akan membuat siasatan mendalam mengenai keseluruhan projek Jerai International Park kerana ia boleh menjejaskan kedudukan Kerajaan dan UMNO.

"Kalau tidak dijaga baik-baik, ia mungkin menjejaskan Kerajaan dan UMNO," katanya pada persidangan akhbar selepas berdialog dengan para peserta Seminar Islam dan Pembangunan Negeri Terengganu, di sini, hari ini.

Beliau berkata, mana-mana kerajaan negeri yang hendak menjalankan projek raksasa seperti itu perlu mengkaji latar belakang syarikat yang terlibat, sama ada projek itu menguntungkan atau tidak dan reaksi daripada rakyat.

Menurutnya, Kerajaan Pusat masih meneliti latar belakang kedua-dua syarikat berkenaan -- Duta Point Sdn Bhd dan Suria Eksklusif Sdn Bhd -- dan maklumat yang diperolehi setakat ini sama seperti "yang diperolehi oleh akhbar-akhbar".

Laporan akhbar menunjukkan Duta Point dan Suria Eksklusif yang akan melaksanakan projek Kerajaan Negeri Kedah bernilai RM17,000 juta itu mempunyai modal berbayar RM2. -- Lagi.

▼10/04/18-50MST

U GB 10-04 00121 BA341

AAB

Mahathir - Jerai 2 Kuala Terengganu (Ulangan)

Bagaimanapun, Suria Eksklusif menambah modal berbayarnya kepada RM800,001 pada 2 Dis tahun lepas.

Projek itu menjadi kontroversi apabila mendapat bantahan penduduk tempatan di kawasan projek itu yang meliputi kawasan 2,520 hektar, hinggakan Penasihat Kewangan Kerajaan Persekutuan yang juga Anggota Parlimen Merbuk, Tun Daim Zainuddin turut campurtangan dan meminta Kerajaan Kedah memberi penerangan jelas mengenainya.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat tidak perlu memberi garis panduan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri mengenai projek berperuntukan besar seperti itu dan jika mana-mana Kerajaan Negeri merasakan mereka mampu, mereka boleh meneruskannya.

"Tapi kalau pergi mencari syarikat yang cuma ada modal RM2 tidak payah nak buat projek berbillion ringgit," katanya. -- Lagi.

▼10/04/18-51MST

AAR

Mahathir - Jerai 3 Kuala Terengganu

Ketika menjawab soalan pemberita sama ada Bank Negara akan meneruskan urusan jual beli mata wang asing, Perdana Menteri berkata, yang menjadi masalah bukan urusan jual beli itu tetapi jumlah yang terlalu besar.

"Jual beli wang asing perlu ada sama ada kita suka atau tidak suka kerana jika tidak ada jual beli mata wang asing, mungkin nilai mata wang kita turun dan kita tidak ada apa-apa," katanya.

Bank Negara terpaksa membeli mata wang asing untuk dijadikan simpanan apabila berlaku turun naik pasaran wang, tambah beliau.

"Kadang-kadang berlaku satu titik turun terlampau banyak (dalam harga mata wang asing) dan kita pegang terlalu banyak mata wang itu, maka kita menghadapi masalah," kata Dr Mahathir mengulas kerugian Bank Negara sebanyak RM5,700 juta dalam urusan jual beli mata wang asing.

Mengenai urusan audit oleh Kerajaan Pusat terhadap akaun kewangan Negeri Sabah di bawah pentadbiran Parti Bersatu Sabah, beliau berkata, ia dibuat kerana semua urusan kewangan negeri itu dipindahkan kepada Yayasan Sabah yang tidak terletak di bawah kuasa audit Kerajaan Pusat. -- Lagi.

▼10/04/18-54MST

AAR

Mahathir - Jerai 4 (Akhir) Kuala Terengganu

"Semua tanah balak misalnya diserahkan kepada Yayasan Sabah, dan Yayasan Sabahlah yang keluarkan lesen membalak hinggakan terkeluar daripada urusan kerajaan," tambahnya.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat bersedia memperluaskan audit ini pada Kerajaan-kerajaan Negeri lain jika perlu tetapi satakat ini memang ada urusan audit dijalankan di negeri-negeri lain sepanjang masa.

Dr Mahathir berada di Terengganu sempena lawatan rasmi dua hari bagi meninjau pembangunan di negeri ini dan akan balik ke Kuala Lumpur hari ini.

Beliau melahirkan rasa puas hati terhadap projek pembangunan di Terengganu dan menekankan bahawa projek pembangunan sistem pengangkutan hendaklah dijalankan secara swasta seperti yang dilaksanakan di Pantai Barat. -- Bernama.

SRJ AL KAM.